

Markah	TP

Bahagian A
[20 markah]

Jawab semua soalan.



- 1 Senarai berikut berkaitan dengan sistem pendidikan di negeri-negeri Melayu.

Pepatah	Cerita teladan	Pantang Inrang
---------	----------------	----------------

Apakah sistem pendidikan tersebut?

- A Pendidikan formal
 - B Pendidikan tidak formal
 - C Pendidikan persendirian
 - D Pendidikan rakyat
- 2 Mengapakah harga bijih timah melambung tinggi pada abad ke-19?
- A Perkembangan industri mengetin
 - B Pembatalan sistem kutipan cukai
 - C Penggunaan teknologi kapal korek
 - D Pengurangan pengeluaran arang batu
- 3 Apakah faktor negeri-negeri Melayu, Sarawak dan Sabah menjadi sasaran penaklukan British?
- A Penduduk yang ramai
 - B Terletak di lembah sungai
 - C Kemajuan industri mengetin
 - D Kaya dengan bahan mentah
- 4 Apakah peristiwa yang menyebabkan British berusaha mengukuhkan lauan perdagangan ke China?
- A Perluasan kuasa ke Asia Tenggara berjaya
 - B Kehilangan Amerika sebagai tanah jajahan
 - C Persaingan perdagangan dengan Sepanyol
 - D Berlaku hubungan diplomatik dengan China
- 5 British telah membentuk sebuah unit pentadbiran untuk mengukuhkan penguasaan terhadap Pulau Pinang, Singapura dan Melaka.
- Apakah pentadbiran tersebut?
- A Negeri-negeri Selat
 - B Negeri-negeri Melayu Utara
 - C Negeri-negeri Melayu Bersekutu
 - D Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

6 Mengapakah pengeluaran bijih timah Perak merosot menjelang akhir abad ke-18?

- A Kejatuhan harga bijih timah
- B Bekalan bijih timah berlebihan
- C Berlaku penyeludupan bijih timah
- D Kekurangan permintaan di pasaran dunia

7 Perlombongan emas di negeri-negeri Melayu tertumpu di kawasan jalur emas.

Apakah kawasan tersebut?

- A Kedah
- B Pahang
- C Terengganu
- D Negeri Sembilan

8 Gambar berikut berkaitan sebuah Jata Negeri.



Apakah Jata Negeri tersebut?

- A Jata Negeri Kuala Lumpur
- B Jata Negeri Kerajaan Singapura
- C Jata Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- D Jata Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

9 Bagaimanakah British mengatasi kekejaman kerajaan Siam di negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu?

- A Menghantar bunga emas setiap tahun
- B Melancarkan slogan "Beban Orang Putih"
- C Melakukan serangan melalui kapal perang
- D Menghentikan hubungan luar dengan Siam

10 Senarai berikut berkaitan dengan siri dengan perjanjian British di Negeri-negeri Utara Melayu.

Perjanjian Burney 1826	Perjanjian Sempadan 1899	Perjanjian Bangkok 1909
------------------------	--------------------------	-------------------------

Apakah kepentingan siri perjanjian tersebut terhadap British?

- A Strategi meluaskan kuasa
- B Langkah mengeratkan hubungan
- C Meningkatkan kerjasama ekonomi
- D Melaksanakan pemodenan pentadbiran

- 11 Apakah alasan James Brooke untuk menguasai Sarawak?
- I Kegiatan lanun
 - II Serangan Brunei
 - III Kekurangan modal
 - IV Pepecahan politik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 12 Manakah antara berikut merupakan institusi peribumi di Sabah?
- A Ketua Adat
 - B Majlis Eksekutif
 - C Ketua Anak Negeri
 - D Majlis Perundangan Negeri
- 13 Tanah Melayu terkenal sebagai pusat pengeluaran gula pada tahun 1830-an. Apakah kawasan pengeluaran gula tersebut?
- A Lukut
 - B Bintulu
 - C Kuala Lumpur
 - D Seberang Perai
- 14 Terdapat banyak jalan raya pendek yang tidak berturap dibina di Sarawak. Apakah faktor yang menghalang pembinaan jalan raya di negeri tersebut?
- A Kejadian gempa bumi
 - B Masalah bentuk muka bumi
 - C Kekurangan jumlah penduduk
 - D Ditentang oleh masyarakat peribumi
- 15 Pelabuhan-pelabuhan moden berikut telah dibina di Negeri-negeri Melayu.

Port Weld	Port Dickson	Port Swettenham
-----------	--------------	-----------------

- Apakah sumbangan pembinaan pelabuhan tersebut terhadap negara kita?
- A Meningkatkan pengeskpontan bijih timah
 - B Memudahkan pengangkutan tenaga buruh
 - C Menggalakkan perhubungan dengan negara luar
 - D Memulakan perkhidmatan mengangkut penumpang
- 16 Rentap berjaya mematahkan serangan Dinasti Brooke sebanyak dua kali. Bagaimanakah kejayaan tersebut tercapai?
- A Keutuhan kubu Bukit Sadok
 - B Kekuatan meriam Bujang Sadok
 - C Kesungguhan sokongan dari Aceh
 - D Kerjasama daripada semua pembesar

17 Mengapakah Yamtuan Antah gagal menentang British di Negeri Sembilan?

- I Kehabisan makanan
- II Kerosakan meriam tembaga
- III Kekurangan ubat bedil
- IV Kehabisan peluru

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18 Perjanjian berikut telah ditandatangani antara British dan Siam.

Perjanjian Bangkok 1909

Bagaimanakah keadaan Tanah Melayu selepas perjanjian tersebut?

- A Menggabungkan Negeri-negeri Melayu Utara
- B Memulihkan hubungan antara Siam dengan Kedah
- C Membangkitkan kuasa British di Negeri-negeri Melayu
- D Memecahbelahkan wilayah Negeri-negeri Melayu Utara

19 Gambar berikut menunjukkan motif awan larat yang digunakan pada semua peralatan istana dan kerajaan di Johor.



Apakah motif yang digunakan untuk awan larat tersebut?

- I Rotan
 - II Gambir
 - III Lada hitam
 - IV Daun sirih
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20 Bagaimanakah pasukan Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) ditubuhkan pada tahun 1933?

- A Kekejaman sistem ketenteraan Jepun
- B Penentangan terhadap penjajahan British
- C Desakan Raja-raja Melayu melalui Durbar
- D Ancaman komunis di seluruh negeri Melayu